

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eISSN 2716-6325



Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE TAPAK BINA PROJEK IBS DI GEORGETOWN

Hazrina Ahmad, Afifudin Habulat, Mohd Samsudin Abdul Hamid, Zulfairul Zakariah, Goh Lyn Dee



Pada 4 November 2023, satu lawatan sambil belajar telah diadakan bersama dengan 42 orang pelajar yang mengambil kursus CES525 (*Principles of Prestressed and Precast Concrete Design*). Lawatan ini telah dijalankan di Tapak Bina Projek Meroboh dan Membina Semula Bangunan Lembaga Buruh, Georgetown, Pulau Pinang. Projek ini adalah merupakan projek di bawah Kementerian Sumber Manusia. Lawatan ini adalah bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan dengan pelaksanaan *Industrialized Building System (IBS)* and juga konkrit pra-tuang secara khusus.

Lawatan tapak bermula pada jam 10.00 pagi ini dan para pelajar telah diiringi oleh 5 orang pensyarah PKA UiTM Cawangan Pulau Pinang iaitu Dr Hazrina Ahmad, Ir Afifudin Habulat, Ts Dr Mohd Samsudin Abdul Hamid, Dr Goh Lyn Dee dan Ir Zulfairul Zakariah. Lawatan telah dimulakan dengan taklimat keselamatan oleh pegawai keselamatan tapak bagi memberikan peringatan kepada semua berkaitan dengan Langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil ketika berada di tapak bina. Semua pelajar juga diwajibkan memakai *safety boots* and topi keselamatan serta mempunyai *Green Card*.



Gambar 1: Taklimat keselamatan (safety briefing)



Gambar 2: Taklimat berkenaan dengan projek



Gambar 3: Aktiviti pemasangan tiang IBS di tapak bina

Satu sesi perkongsian juga telah dibuat oleh pihak kontraktor bagi memberikan taklimat ringkas berkaitan dengan pelaksanaan projek tersebut. Taklimat ini telah diberikan oleh Sr Ts. Mohd Jamruz bin Mohd Jamil dan dibantu oleh Encik Abdul Badrulishah bin Ali (*Site Agent*) dan Muhammad Zuhaili bin Azizan (*Site Engineer*). Encik Zuhaili adalah merupakan bekas pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Infrastruktur) UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Sesi lawatan diteruskan dengan lawatan ke tapak pembinaan. Pihak kontraktor telah berbesar hati menguruskan supaya pelajar-pelajar dapat melihat proses pemasangan tiang pada tingkat empat secara langsung pada hari tersebut. Sesungguhnya sesi lawatan ini telah memberikan kesan yang amat baik kepada pelajar dan telah berjaya menarik minat mereka untuk mempelajari dan mendalami kursus CES525 yang diambil pada semester ini dengan lebih baik.
